



KETUA SETIAUSAHA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA



Tel.: 03-8883 2533
Faks: 03-8889 5245

Rujukan : Bil.(8)dlm.KK(S)280(20/836) Jld. 6

Tarikh 26 Januari 2017

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
Pengarah-Pengarah Kanan
Setiausaha-Setiausaha Bahagian
Pengarah-Pengarah Bahagian
Pengarah-Pengarah Kesihatan Negeri
Pengarah-Pengarah Hospital
Pengarah-Pengarah Institusi

YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/ Puan,

**SURAT EDARAN KETUA SETIAUSAHA BIL. 1 TAHUN 2017
TANGGUNGJAWAB PENJAWAT AWAM DI KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA SEMASA MENGGUNAKAN MEDIA SOSIAL**

Dengan segala hormatnya saya ingin menjemput perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) rujukan: JPA.BK(S)223/8/2-3 Jld.4 (56) bertarikh 7Jun 2013 adalah berkaitan tanggungjawab penjawat awam semasa menggunakan media sosial.

3. Dengan ini, pihak pengurusan tertinggi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sukacita mengingatkan semua warga KKM supaya berintegriti dan berhemah semasa menggunakan media sosial seperti *YouTube, Blog, Facebook, Twitter, WhatsApp, Telegram* dan sebagainya. Penerbitan buku Tata Etika Penggunaan Media Sosial Oleh Warga KKM pada 9 Ogos 2016 sewajarnya dijadikan panduan kepada warga KKM semasa berkomunikasi dan memberi pandangan di media sosial. Ini untuk mengelakkan sebarang bentuk pandangan yang boleh menimbulkan persepsi negatif kepada Perkhidmatan Awam.

4. Ini kerana perbuatan yang boleh menimbulkan persepsi negatif kepada Perkhidmatan Awam, organisasi dan Kerajaan adalah bertentangan dengan Peraturan 4(2)(d), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1993] iaitu pegawai awam tidak boleh berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan nama dan mencemarkan nama perkhidmatan awam. Peraturan 19(1) dan 19(2), [P.U.(A)395/1993] juga menjelaskan larangan berhubung dengan tegahan membuat pernyataan awam iaitu pegawai awam tidak boleh, secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu atau yang boleh memalukan atau memburukkan Kerajaan atau membuat ulasan mengenai kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan atau mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

5. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memberi penekanan serius ke atas perkara ini serta mengingatkan semua penjawat awam KKM di bawah seliaan masing-masing supaya sentiasa mematuhi peraturan dan tata etika yang telah ditetapkan.

6. Bersama-sama ini disertakan pautan surat JPA yang dinyatakan di perenggan 2 dan buku Tata Etika Penggunaan Media Sosial Oleh Warga KKM untuk dimuat turun sebagai rujukan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/ Puan jua:

i) Surat Edaran JPA bertarikh 7 Jun 2013; dan

([http://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Surat Edaran Prinsip Perkhidmatan/se07062013.pdf](http://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Surat_Edaran_Prinsip_Perkhidmatan/se07062013.pdf))

ii) Buku Tata Etika Penggunaan Media Sosial Oleh Warga KKM

(http://www.moh.gov.my/index.php/database_stores/attach_download/554/3)

7. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN)

s.k.

Ketua Pengarah Kesihatan

Setiausaha Sulit Kanan Menteri Kesihatan

Setiausaha Sulit Kanan Timbalan Menteri Kesihatan